

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JULY 2016

PM umum empat projek besar di Bagan Datoh

BAGAN DATOH 24 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini mengisytiharkan Bagan Datoh dinaik taraf sebagai daerah penuh sambil mengumumkan empat projek besar untuk daerah ke-12 di negeri Perak itu.

Menurut beliau, serentak dengan pengisytiharan tersebut, kerajaan meluluskan pembinaan sebuah jambatan yang menghubungkan Pasir Salak dan Bagan Datoh berharga RM350 juta.

Kata beliau, laluan dua hala Hutan Melintang ke Bagan Datoh akan dinaik taraf dengan kos RM90 juta, selain pembinaan Politeknik Bagan Datoh berharga RM220 juta dan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berharga RM150 juta.

"Kerajaan negeri dan Kabinet telah setuju supaya Bagan Datoh dinaik taraf sebagai daerah penuh.

Ini satu pengumuman yang amat bermakna malam ini.

"Bagan Datoh mendapat banyak rahmat lebih-lebih lagi selepas Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Alhamdulillah, inilah empat projek besar yang akan kerajaan laksanakan untuk rakyat Bagan Datoh," katanya ketika berucap dalam Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2016 di Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang dekat sini malam ini.

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan isteri, Datin Seri Hamidah Khamis dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir serta isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa kagum terhadap sambu-

tan luar biasa masyarakat daerah ini yang menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri.

Menurut beliau, sambutan kali ini mungkin merupakan yang paling meriah dari segi sambutan perayaan peringkat nasional.

Beliau berkata, Bagan Datoh dipilih sebagai tuan rumah sambutan kali ini untuk memberi penghormatan kepada Timbalan Perdana Menteri sebagai Ahli Parlimen di sini.

Najib berkata, berdasarkan sambutan luar biasa majlis di sini, adalah wajar perayaan-perayaan peringkat nasional diadakan di luar Kuala Lumpur atau Putrajaya.

"Perayaan-perayaan peringkat nasional patut diagih-agihkan ke bandar-bandar kecil dan luar bandar kerana rakyat di kawasan-kawasan ini perlu dihargai dan dahagakan sambutan seperti ini," katanya.

Um - 25/7/2016